



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PRASARANA TEKNOLOGI DAN SIKAP GURU TERHADAP PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN GURU LUAR BANDAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ATHIRA BINTI RAMZI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PRASARANA TEKNOLOGI DAN SIKAP GURU TERHADAP
PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM MENINGKATKAN
KUALITI PENGAJARAN GURU LUAR BANDAR

ATHIRA BINTI RAMZI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 23 (hari bulan) 4 (bulan) 2024

Perakuan Pelajar:

Saya, **ATHIRA BINTI RAMZI, M20202001499 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **PRASARANA TEKNOLOGI DAN SIKAP GURU TERHADAP PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN GURU LUAR BANDAR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penelia:

SAYA **DR. NORLIZA ABDUL MAJID** DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA HASIL KERJA PELAJAR YANG BERTAJUK **PRASARANA TEKNOLOGI DAN SIKAP GURU TERHADAP PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN GURU LUAR BANDAR** DIHASILKAN OLEH PELAJAR SEPERTI NAMA DI ATAS, DAN TELAH DISERAHKAN KEPADA INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEH **IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI PENDIDIKAN**

23/4/2024

Tarikh

DR. NORLIZA ABDUL MAJID
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak

Tandatangan Penelia



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PRASARANA TEKNOLOGI DAN SIKAP GURU TERHADAP
PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM MENINGKATKAN
KUALITI PENGAJARAN GURU LUAR BANDAR

No. Matrik / Matric's No.: M20202001499

Saya / I: ATHIRA BINTI RAMZI
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

DR. NORLIZA ABDUL MAJID
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 23/04/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Pertama, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas segala rahmatNya yang telah memberikan kepada saya suatu inspirasi, kekuatan, kesabaran, dan kebijaksanaan dalam menyempurnakan tesis ini dengan baik. Kemudian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Norliza Abdul Majid di atas segala masa, tunjuk ajar, ilmu, bimbingan, motivasi, dan nasihat yang tidak terkira agar saya dapat menyelesaikan tesis ini. Tanpa bantu penyelia saya ini mungkin saya tidak dapat menyiapkan tesis ini pada masanya. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada ibu bapa saya, Ramzi bin Hj Na'aim dan Harlina binti Ahmad di atas segala pengorbanan dan doa yang tidak pernah putus dalam melihat kejayaan anak-anak mereka di dunia ini. Pengorbanan mereka telah membakar semangat saya untuk terus berusaha dan berjuang dalam menghadapi kehidupan dunia ini. Tesis ini dapat saya jadikan hadiah khas untuk mereka berdua. Penghargaan yang tidak pernah dilupakan adalah kepada seluruh ahli keluarga dan rakan-rakan yang turut banyak membantu saya sepanjang perjalanan pembelajaran saya di universiti. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris dan semua orang yang telah menyumbang pertolongan secara langsung atau tidak langsung dalam menyelesaikan tesis ini. Terima kasih.





ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti prasarana teknologi dan sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah luar bandar. Kajian ini juga mencadangkan beberapa aspek yang boleh dilakukan oleh guru luar bandar untuk meningkatkan kualiti pengajaran dengan pengaplikasian teknologi. Seramai lima orang guru luar bandar di daerah Sabah, Sarawak, dan Perak dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah fenomenologi melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat prasarana teknologi di sekolah luar bandar dan sikap guru dapat ditafsirkan sebagai positif atau baik terhadap pengaplikasian teknologi di dalam kelas. Pengaplikasian teknologi ini dilihat dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru di samping memberikan pendedahan akan manfaat penggunaan teknologi dalam pendidikan kepada para pelajar di luar bandar. Hasil kajian ini juga dapat mengemukakan beberapa implikasi dalam meningkatkan kemudahan prasarana teknologi serta menggalakkan guru luar bandar dalam mengaplikasikan teknologi untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi suatu kefahaman serta gambaran tentang prasarana teknologi dan sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi di sekolah luar bandar. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan oleh pihak yang berkaitan dalam menambahbaik prasarana teknologi dan meningkatkan kualiti pengajaran guru untuk mewujudkan persekitaran pengajaran yang lebih positif di sekolah luar bandar.



TECHNOLOGY INFRASTRUCTURE AND TEACHERS ATTITUDE TOWARDS TECHNOLOGY APPLICATION TO IMPROVE TEACHING QUALITIES OF RURAL TEACHERS

ABSTRACT

This qualitative study aims to identify the technological infrastructure facilities and teachers' attitudes towards the application of technology in improving the quality of teaching among teachers in rural schools. The study also points out the steps to ensure the quality of teaching in rural areas is improved by applying technologies in teaching. A total of five teachers were selected using purposive sampling techniques that were intended to be used as a sample in this study. Current study was conducted using phenomenological methods through a qualitative approach using observation, interviews, and document analysis as a research instrument. The findings of this study found that there are technological infrastructure facilities in rural schools and the attitude of teachers can also be interpreted as positive or good towards the application of technology in the classroom. The application of this technology is seen to improve the quality of teaching while providing exposure on the use of technology in learning to students in rural areas. The results of this study can have been put forward some suggestions in improving technological infrastructure facilities and encourage rural teachers to improve the quality of their teaching by using technology. This study is expected to provide an understanding and overview of technology infrastructure and teachers' attitudes towards in applying technology in rural schools. The findings of this study can also be used as a reference to the relevant authorities in improving technological infrastructure and the quality of teaching to create more positive learning environment in rural school.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kerangka Konsep	14
1.7 Definisi Konseptual	16
1.7.1 Teknologi	16
1.7.2 Teknologi Digital	16



1.7.3	Kemudahan Prasarana	17
1.7.4	Sekolah Luar Bandar	18
1.7.5	Kualiti Pengajaran Guru	19
1.8	Kepentingan Kajian	19
1.9	Batasan Kajian	21
1.10	Kesimpulan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Kemudahan Prasarana Teknologi Digital di Sekolah Luar bandar	23
2.3	Pengaplikasian Teknologi dalam Pendidikan	28
2.4	Sikap Guru terhadap Pengaplikasian Teknologi di Sekolah Luar Bandar	35
2.5	Kajian Luar Negara Terhadap Pengaplikasian Teknologi Dalam Pendidikan Di Luar Bandar	41
2.6	Teori Penerimaan Teknologi (TAM) oleh Davis (1989)	45
2.7	Teori Konstruktivisme oleh Jean Piaget (1976)	49
2.8	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Sampel Kajian	55
3.4	Teknik Pengutipan Data	57
3.4.1	Temu Bual	57
3.4.2	Pemerhatian	59
3.4.3	Analisis Dokumen	60
3.5	Teknik Penganalisisan Data	61

3.5.1	Analisis Kaedah Temu Bual	65
3.5.2	Analisis kaedah Pemerhatian	65
3.5.3	Analisis Kaedah Analisis Dokumen	66
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	66
3.7	Kajian Rintis	68
3.8	Kesimpulan	69

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	70
4.2	Demografik Responden Kajian	70
4.3	Dapatan Kajian	71
4.4	Kemudahan Prasarana Teknologi Digital di Sekolah Luar Bandar untuk Meningkatkan Kualiti Pengajaran Guru	72
4.4.1	Perkakas Teknologi	73
4.4.2	Teknologi Internet	77
4.5	Sikap Guru Terhadap Pengaplikasian Teknologi Digital dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran	80
4.5.1	Kemahiran Guru	82
4.5.2	Kesediaan Guru	84
4.5.3	Kekreatifan Guru	86
4.5.4	Keyakinan Guru	88
4.6	Cadangan untuk Menggalakkan Guru Luar Bandar Mengaplikasikan Teknologi Digital dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran	91
4.6.1	Tindakan Individu (Guru)	93
4.6.2	Tindakan Pihak Sekolah	95
4.6.3	Tindakan Pihak Kerajaan	97
4.7	Kesimpulan	99

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	100
5.2	Rumusan Kajian	101
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	103
5.3.1	Kemudahan Prasarana Teknologi Digital di Sekolah Luar Bandar untuk Meningkatkan Kualiti Pengajaran Guru	103
5.3.2	Sikap Guru Terhadap Pengaplikasian Teknologi Digital dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran	105
5.3.3	Cadangan untuk Menggalakkan Guru Luar Bandar Mengaplikasikan Teknologi Digital dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran	114
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	116
5.5	Implikasi Kajian	118
5.5.1	Teori	118
5.5.2	Praktikal	120
5.6	Penutup	122

RUJUKAN	124
----------------	-----

LAMPIRAN	137
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Maklumat Responden	57
4.1	Demografik Responden Kajian	71
4.2	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Perkakas Teknologi	77
4.3	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Teknologi Internet	80
4.4	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Kemahiran Guru	84
4.5	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Kesediaan Guru	86
4.6	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Kekreatifan Guru	88
4.7	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Keyakinan Guru	91
4.8	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Tindakan Individu (Guru)	94
4.9	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Tindakan Pihak Sekolah	96
4.10	Perbandingan Guru yang berpengalaman kurang dan lebih 5 tahun Tindakan Pihak Kerajaan	99

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	14
2.1 Teori Model Penerimaan Teknologi (TAM) oleh Davis (1989)	48
3.1 Komponen dalam Analisis Data Model Interaktif	62
3.2 Proses Menganalisis Data	64
4.1 Tema kemudahan prasarana teknologi digital di sekolah luar bandar	73
4.2 Sikap Guru Terhadap Pengaplikasian Teknologi Digital	81
4.3 Cadangan untuk Menggalakkan Guru Luar Bandar Mengaplikasikan Teknologi Digital dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran	92

SENARAI SINGKATAN

ABM	Anggaran Belanjawan Mengurus
IR 4.0	Revolusi Industri 4.0
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBK	Pelajaran Berpandukan Komputer
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan.
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi



SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu Bual
- B Borang Senarai Semak
- C Keesahan Kandungan Soalan Temu Bual
- D Contoh surat Pengesahan Pakar
- E Kesehan Pakar Pertama
- F Kesehan Pakar Kedua
- G Kesehan Pakar Ketiga
- H Contoh Surat kebenaran Penyelidikan
- I Contoh Surat kebenaran Melaksanakan Kajian di Sekolah
- J Hasil Output NVIVO
- K Contoh Analisis Dokumen



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sekolah merupakan suatu institusi yang berfungsi sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan yang menempatkan guru dan pelajar dari berbilang kaum untuk menjalankan aktiviti akademik dan sosial. Sekolah berperanan dalam menyediakan suatu sistem pendidikan untuk membangunkan potensi pelajar yang seterusnya dapat mempertingkatkan kualiti pengajaran guru (Mohammed Sani Ibrahim, 2013). Kualiti pengajaran akan menjadi lebih baik apabila dasar pendidikan berubah mengikut kesesuaian dan keperluan seiring dengan perubahan zaman. Perubahan dunia yang berteraskan teknologi terutama dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ini telah membawa perubahan kepada sistem pendidikan sekolah (Nur Syarafina Abdul Rahman, Zainal Fitri Mohd Zolkifli, dan Ling, 2020). Perubahan dalam mengaplikasikan teknologi dalam pendidikan dapat dilihat apabila teknologi mula diperkenalkan sebagai kaedah baharu untuk menambahbaik kaedah pengajaran guru serta prestasi sekolah. Antara perubahan teknologi tersebut adalah seperti revolusi teknologi internet dan teknologi digital yang menjadi pencetus kepada perubahan dalam



penyampaian, penyimpanan maklumat, dan membina pengetahuan baru dalam kalangan guru dan pelajar (Lechner dan Boli, 2006). Perubahan inovasi teknologi ini dapat menjadikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran di sekolah lebih futuristik, canggih, dan bersesuaian dengan perubahan zaman teknologi maklumat. Menurut Hunt, Eagle, dan Kitchen (2004) yang menjelaskan bahawa perkembangan teknologi ini mampu mencabar konsep pendidikan secara tradisional dengan mengubah cara pengajaran guru dan pembelajaran murid. Maka, dasar pendidikan di Malaysia perlu ditransformasikan untuk memastikan pendidikan negara bergerak seiring dengan perubahan zaman melalui penyediaan kemudahan prasarana teknologi yang berkualiti untuk keberkesanan sesebuah sekolah.

Sektor pendidikan di Malaysia telah menghadapi pelbagai transformasi dalam membangunkan dan menyediakan kemudahan prasarana sekolah supaya pendidikan negara mampu setaraf dengan pendidikan antarabangsa. Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kemudahan prasarana berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) di sekolah dapat dijalankan dengan baik seiring dengan perkembangan teknologi. Usaha kerajaan dalam mengurus teknologi digital telah bermula pada tahun 1986, kemudian berkembang pada tahun 1994 melalui projek Pelajaran Berpanduan Komputer (PBK), dan seterusnya pada tahun 1999, kerajaan telah wujudkan projek jaringan pendidikan yang berpanduan teknologi di semua jenis sekolah kebangsaan seperti sekolah menengah, sekolah rendah, dan sekolah bestari untuk menyelaraskan sistem pentadbiran sekolah serta pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Nur Qistina Abdullah dan Hazman Ali, 2010). Pelbagai dasar juga telah dilakukan untuk memperkasakan penggunaan teknologi sepenuhnya dalam pendidikan di sekolah dengan menggerakkan Pelan Induk Pembangunan





Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Pelaksanaan pelan ini telah mewujudkan pelbagai prasarana yang boleh didapati di sekolah seperti makmal komputer, perisian komputer, peralatan komputer, komputer riba, projektor, LCD, televisyen pendidikan, dan latihan guru dalam penggunaan teknologi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007).

Dasar pendidikan negara dilihat terus berkembang melalui pelancaran projek Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Projek ini diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dengan menaik taraf prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) di sekolah. Antara projek dalam pelan tersebut adalah pelancaran projek 1 Bestari Net yang membolehkan 6,695 buah sekolah menggunakan internet yang berkelajuan tinggi dan 2,245 buah sekolah menggunakan *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) untuk mengakses ke rangkaian internet (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Bajet kerajaan pada tahun 2023 dalam sektor pendidikan juga dilihat terus meningkat dari tahun sebelumnya yang mana kerajaan akan lebih menumpukan pendidikan berteraskan teknologi dengan menambahbaik prasarana sekolah, menyediakan akses internet berkelajuan tinggi, dan sebagainya (Kementerian Kewangan Malaysia, 2022). Perkara ini dilihat sebagai inisiatif kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan berasaskan teknologi dengan menyediakan dan menambahbaik kemudahan prasarana di sekolah. Justeru, menjadi tanggungjawab pihak sekolah dalam memastikan kemudahan teknologi tersebut lengkap dan berfungsi dengan baik untuk digunakan semasa proses pendidikan.

Kelengkapan prasarana teknologi yang berfungsi dengan baik di sekolah dapat menggalakkan sikap guru untuk mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemudahan prasarana teknologi ini bertujuan untuk menambahbaik





cara penyampaian guru dalam mengaplikasikan teknologi tanpa mengurangkan kepentingan pendidikan secara formal sebaliknya menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan sesuai dengan perkembangan dunia teknologi (Nur Aisyah Kamaluddin dan Hazrati Husnin, 2022). Penyampaian guru yang berteraskan teknologi dalam pedagogi juga dapat memberikan impak yang positif dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan menjadikan pembelajaran di dalam kelas lebih menyeronokkan (Nor Zaira Razali, Zolkefli Bahador, dan Mohd Kasri Saidon, 2017). Penggunaan teknologi dalam pendidikan juga dapat memberi peluang kepada guru untuk menonjolkan sikap kreatif mereka serta meningkatkan kualiti pengajaran di dalam kelas (Heflin, Shewmaker, dan Nguyen, 2017). Para pelajar juga berpeluang untuk meneroka teknologi digital ini dalam menambahkan dan membina ilmu pengetahuan baru yang mungkin tidak tercatat di dalam buku teks (Noradilah Aziz dan Sieng, 2019).



Selain itu, guru juga dapat membantu pelajar untuk memahami sesuatu perkara dengan baik dengan mengaplikasikan teknologi dalam pendidikan seperti menggunakan *Powerpoint*, *video*, *Frog VLE*, *kahoot*, dan sebagainya (Nur Atika Miasan dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2018). Ini menunjukkan sikap guru yang sangat prihatin terhadap pengaplikasian teknologi dalam pengajaran. Bagi merealisasikan pendidikan berteraskan teknologi digital ini, adalah penting untuk melihat terlebih dahulu sikap seseorang guru dan kemudahan sekolah dalam mengaplikasikan teknologi digital sebagai alat bantu mengajar. Guru dilihat sebagai aset penggerak utama kepada perkembangan teknologi dalam pendidikan kepada pelajar dengan mengaplikasikan teknologi seperti penggunaan kaedah multimedia, akses maklumat di internet, dan penggunaan CD-ROM (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2012). Guru-guru dilihat boleh mengaplikasikan kemahiran teknologi tersebut





mengikut kekreatifan mereka sendiri dalam menjalankan pembelajaran secara kolaboratif, *blended learning* (BL) dan sebagainya untuk menjadikan sukatan pembelajaran sesuai dengan perkembangan teknologi (Muhamad Azhar Stapa, Mohamad Ibrahim, dan Amir Yusoff, 2017). Teknologi digital sememangnya terbukti mampu diaplikasikan sebagai alat bahan bantu mengajar bagi memudahkan proses pengajaran serta membantu guru dan pelajar untuk menguasai teknologi pada masa kini (Siti Aminah Sallehin dan Fazlinda Ab Halim, 2018). Akan tetapi, sokongan dan latihan yang berterusan juga perlu diberikan agar guru dapat mengaplikasikan teknologi dengan berkesan serta mengikut perkembangan teknologi semasa. Justeru, guru memainkan peranan dalam mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran untuk membangunkan sistem pendidikan berteraskan teknologi digital di sekolah luar bandar.



pendidikan yang bergerak seiring dengan perkembangan era teknologi adalah melihat kelengkapan prasarana teknologi digital di sekolah dan sikap guru dalam mengaplikasikan teknologi di sekolah. Perkara ini juga adalah penting untuk mengelakkan jurang pendidikan sekolah di bandar yang dilihat mampu memperoleh banyak kelebihan dalam mengaplikasikan teknologi berbanding sekolah di luar bandar (Kumar Raman, Norasmah Othman, dan Haryanti Mohd Affandi, 2019). Maka, kajian dijalankan untuk mengenal pasti kemudahan prasarana sekolah dan sikap guru dalam mengaplikasikan teknologi digital di sekolah luar bandar.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kemudahan prasarana yang berteraskan teknologi bukan lagi menjadi suatu kehendak bagi sekolah yang berada di luar bandar akan tetapi menjadi suatu keperluan untuk perubahan dan pembangunan sekolah (Nur Faezah Arfan dan Dg Norizah Ag Kiflee, 2018). Hal ini kerana asas kepada pengaplikasian teknologi digital di dalam kelas adalah dengan penyediaan kemudahan prasarana yang lengkap dan berfungsi dengan baik. Pembelajaran berasaskan teknologi ini dilihat dapat membantu guru untuk komunikasi dengan baik, melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar, dan melaksanakan pedagogi yang lebih kondusif (Hapini Awang et al, 2020). Di samping itu, guru dan pelajar di sekolah luar bandar terutamanya dapat meningkatkan prestasi yang lebih cemerlang dengan bantuan kemudahan prasarana sekolah seperti yang telah dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kerajaan sedang giat menambahbaik kemudahan prasarana di sekolah luar bandar seperti jaringan internet, kelengkapan makmal komputer, peralatan komputer, perisian komputer, projektor LCD, dan sebagainya. Penambahbaikan ini membolehkan guru dan pelajar menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan sesuai dengan arus perkembangan teknologi.

Sekolah yang berkesan dalam mengaplikasikan teknologi perlu menitikberatkan kemudahan prasarana lain. Kemudahan tersebut seperti bekalan elektrik 24 jam, makmal komputer, makmal sains, peralatan bengkel, dan perabot dalam kelas juga perlu diberi perhatian bagi memastikan guru dan pelajar di luar bandar mendapat manfaat serta keselesaan dengan menggunakan kemudahan tersebut dan seterusnya dapat menyesuaikan keadaan kelas dengan perkembangan arus teknologi (Nurazuan





Razali, 2013). Selain itu, kemudahan jaringan internet yang laju dan lancar juga menjadi punca utama penggunaan teknologi sukar dilaksanakan dengan baik di sekolah di luar bandar kerana pengaplikasian teknologi memerlukan jaringan internet yang stabil untuk memudahkan pemprosesan maklumat dilakukan (Sern, Noormawati Kamarudin, Rashidah Lip, dan Noridah Hasnan, 2017). Keberadaan kemudahan prasaran yang bersesuaian dengan keperluan sekolah dilihat mampu meningkatkan motivasi guru dalam meneroka maklumat baharu dan seterusnya dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan (Wahyu Bagja Sulfemi, 2020). Jelas di sini menunjukkan bahawa amat wajar untuk menilai kesediaan kemudahan prasarana sekolah terutamanya di kawasan luar bandar dalam membantu kualiti pengajaran guru.

Dalam psikologi pendidikan, guru dilihat sebagai fasilitator atau pembimbing yang mempunyai kemahiran intelektual dan sikap positif dalam mendidik serta melihat perkembangan pelajarnya melalui pemilihan kaedah pembelajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar (Restian, 2020). Keperluan pelajar dalam era teknologi ini adalah dengan memanfaatkan penggunaan teknologi yang menjadi suatu kepentingan untuk memperkasakan cara penyampaian guru, pelaksanaan pedagogi yang kondusif, serta mewujudkan komunikasi dua hala yang lebih baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan. Pendidikan di era teknologi ini telah mengubah cara penyampaian, pemikiran, dan sikap pendidik serta pelajar untuk mengaplikasikan teknologi secara kreatif (Dewi Surani, 2019). Guru perlu bersikap positif dan berkemahiran untuk memperkasakan strategik pengajaran dalam penyampaian di dalam kelas supaya kualiti pengajaran dapat ditingkatkan (Anuar Ahmad dan Jinggan, 2017). Pengaplikasian teknologi dalam pendidikan seperti *Google Classroom* dapat dimanfaatkan untuk menambahbaik cara penyampaian seseorang guru itu untuk





mengajar, menyelesaikan masalah, menilai serta meneroka setiap maklumat yang diperoleh sebelum menyampaikannya kepada pelajar (Noradilah Aziz dan Sieng, 2019).

Antara kaedah penyampaian pengajaran yang berteraskan teknologi digital adalah dengan menggunakan sistem multimedia seperti visual grafik, video, animasi, audio, teks, dan sebagainya. Pengaplikasian teknologi ini dapat menarik minat serta fokus pelajar kerana dapat merangsang deria pendengaran dan penglihatan pelajar yang seterusnya dapat menjadikan pembelajaran lebih menarik (Ismail Basiron, 2012). Penggunaan teknologi internet juga dapat memberikan suatu manfaat apabila sumber tersebut dijadikan sebagai rujukan dan maklumat tambahan (Nor Zaira Razali, Zolkefli Bahador, dan Mohd Kasri Saidon, 2017). Sebagai contoh, guru mengaplikasikan pembelajaran dalam talian, mengakses video pendidikan dan buku teks digital untuk mendapatkan bahan rujukan pendidikan daripada pelbagai sumber. Sikap guru yang terbuka untuk mengaplikasikan teknologi internet dalam pembelajaran juga dapat menggalakkan pelajar meneroka dan mencari pengalaman sendiri supaya dapat memahami sesuatu perkara dengan lebih baik di mana-mana sahaja (Noradilah Aziz dan Sieng, 2019). Perkara ini dapat menunjukkan sikap guru yang sentiasa kritis dalam mencari jalan penyelesaian terhadap cara penyampaian pengajaran yang dapat mendorong keberhasilan pelajar dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti pengajaran di dalam kelas (Mohd Anuar Abd Rahman dan Ahmad Kamari, 2011). Maka, guru di sekolah luar bandar perlu menunjukkan sikap yang kritis untuk mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran supaya kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan melalui cara penyampaian guru di dalam kelas yang sesuai dengan keperluan pelajar di era perkembangan teknologi ini.



Oleh itu, kajian ini berperanan untuk mengenal pasti kemudahan prasarana teknologi sekolah dan sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi digital dalam meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah luar bandar. Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian fenomenologi melalui pendekatan kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data seperti temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Lima orang guru yang mengajar di sekolah kebangsaan luar bandar telah dipilih untuk memahami pandangan mereka tentang kajian yang dilakukan. Penyelidikan ini dilihat amat penting untuk mengenal pasti kemudahan prasarana teknologi, sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi digital dalam penyampaian serta cadangan yang boleh dilakukan dalam membantu guru luar bandar meningkatkan kualiti pengajaran di era perkembangan teknologi.

1.3 Pernyataan Masalah

Di era teknologi serba canggih ini, majoriti sekolah telah disediakan dengan kelengkapan perkakas teknologi seperti komputer, LCD, projektor, dan sebagainya oleh pihak kerajaan melalui anggaran belanjawan mengurus (ABM) pada setiap tahun. Keperluan ini dapat menggalakkan guru-guru untuk lebih bermotivasi dalam mengaplikasikan teknologi digital di dalam kelas. Namun, lokasi sekolah menjadi penentu pengaplikasian teknologi dapat dilaksanakan dengan berkesan serta memberi manfaat kepada guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Menurut Zuheir Khlaif (2018), sekolah yang terletak di kawasan bandar amat mudah untuk mengaplikasikan teknologi berbanding sekolah di kawasan luar bandar. Hal ini kerana keadaan persekitaran di bandar itu sendiri yang dapat membantu guru untuk mengakses internet



yang lebih stabil dan kualiti penyelenggaraan perkakas teknologi yang lebih baik sekiranya terdapat kerosakan.

Azlin Sharina Abdul Latef, David, Calic, dan Nuzul Haqimi Muhammad (2018) juga menyatakan bahawa lokasi sekolah di bandar juga dapat meningkatkan penggunaan teknologi yang terkini untuk dijadikan sebagai alat bantu mengajar di dalam kelas. Fenomena ini dilihat agak sukar untuk berlaku di sekolah luar bandar kerana mempunyai kesukaran untuk mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran yang berpunca daripada kekurangan kemudahan teknologi dan sumber lain (Ahmad Zamri Khairani, 2017). Berdasarkan pernyataan daripada kajian lepas, wajarlah satu kajian di sekolah luar bandar perlu ditelitikan untuk memahami isu sebenar yang guru hadapi serta menilai kemudahan teknologi yang terdapat di sekolah luar bandar.



Penelitian berkaitan sekolah luar bandar perlu dijalankan bagi mengurangkan isu berkaitan dengan kemudahan prasarana teknologi untuk membolehkan guru dan pelajar mendapat manfaat daripada penggunaan teknologi di dalam kelas. Kemudahan prasarana teknologi merupakan suatu kepentingan utama untuk memastikan keberkesanan penyampaian dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran guru. Akan tetapi, kajian tempatan yang lepas menunjukkan kemudahan prasarana teknologi tersebut masih di tahap yang membimbangkan terutama di kawasan luar bandar. Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Azrin Abu Bakar dan Nurfaradilla Mohamad Nasir (2021) menunjukkan ketersediaan peranti elektronik dan kemudahan untuk mengakses ke internet di sekolah luar bandar menjadi halangan terhadap penyampaian guru ketika pandemik COVID-19.





Puspanathan Mayan, Abiramy Krishna, Ahmad Najmudin Abdullah, Manimegalai Kandasuamy, dan Rosminah Hasan (2017) juga menjelaskan bahawa kekurangan dalam menyediakan kemudahan asas pendidikan seperti buku percuma, pengangkutan, kemudahan TMK dan sebagainya di sekolah luar bandar Orang Asli masih perlu diberi perhatian. Hal ini kerana kemudahan asas pendidikan ini adalah penting untuk melihat pembangunan pendidikan terutama di kawasan luar bandar. Hasliza Hashim, Siti Munira Mohd Nasri, dan Zarina Mustafa, (2016) menyatakan bahawa kemudahan prasarana teknologi di sekolah luar bandar sering kali tidak mencukupi yang menyukarkan pengajaran berasaskan teknologi dilaksanakan di dalam kelas. Nurazuan Razali (2013) juga melaporkan bahawa sekolah di Sabah dan Sarawak sering mengalami masalah bekalan air, bekalan elektrik, makmal komputer, makmal sains dan kekurangan sekolah yang memaksa pelajaranya menumpang di sekolah lain.



Berdasarkan kajian lepas, ini menunjukkan bahawa pembangunan dan penyediaan kemudahan teknologi di sekolah luar bandar masih lagi perlahan. Perkara ini berlaku kerana lokasi sekolah luar bandar agak jauh dan memerlukan masa untuk masuk di kawasan sekolah tersebut (Nur Faezah Arfan dan Dg Norizah Ab Kiflee, 2018). Maka, kajian berkaitan dengan kesediaan kemudahan prasarana teknologi digital di sekolah luar bandar masih perlu diperbanyakkan untuk menarik perhatian pihak berwajib dalam memastikan keperluan sekolah luar bandar.

Terdapat dapatan kajian yang menunjukkan sikap guru yang masih dibelenggu rasa takut untuk mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran disebabkan beberapa faktor. Antara faktor ketidakupayaan segelintir guru dalam mengaplikasikan teknologi adalah keyakinan yang kurang terhadap keberhasilan penggunaan teknologi dan sering terdapat masalah teknikal semasa penggunaan teknologi dilaksanakan. Berdasarkan





kajian Siti Aisha Zainudin dan Kamariah Abu Bakar (2021), 30 peratus guru telah menghadirkan diri ke kursus latihan teknologi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, namun hanya segelintir guru yang mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran di dalam kelas. Perkara ini jelas berlaku apabila terdapat sebilangan guru yang belum mengaplikasikan teknologi dalam proses pengajaran (Rupini Manoharan dan Zanaton Iksan, 2020; Mahizer Hamzah dan Mohd Azli Yeop, 2016). Selain itu, terdapat perbezaan antara sikap guru dengan tempoh pengalaman mengajar dalam pengaplikasian teknologi dalam pengajaran. Kajian daripada Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Azmil Hashim, dan Norhisham Muhamad (2020) menyatakan bahawa sikap guru yang baru mengajar lebih banyak menggunakan teknologi seperti video, gambar rajah, dan bahan mengajar lain di dalam kelas berbanding guru-guru yang mengajar lebih 10 tahun. Ini menunjukkan faktor pengalaman mengajar menjadi punca ketidakupayaan sikap segelintir guru terhadap pengaplikasian teknologi dalam pengajaran mereka. Selain itu, terdapat sebilangan guru yang melihat sistem pengajaran berteraskan teknologi tiada sesuai digunakan untuk subjek tertentu (Cheok, Wong, dan Ahmad Fauzi Ayub, 2017). Ini menunjukkan bahawa pengetahuan guru terhadap pengaplikasian teknologi dalam pendidikan masih lagi rendah. Antara faktor lain yang menyumbang penolakan pendidikan berasaskan teknologi adalah kurangnya sokongan daripada pihak sekolah, kesediaan, dan bebanan tugas guru (Cheok dan Wong, 2016). Sikap ini tidak dapat membantu guru untuk melihat keberkesanan pengajaran berteraskan teknologi apabila pendekatan tradisional atau *chalk and talk* masih diteruskan (Anuar Ahmad dan Nelson Jingga, 2015). Berdasarkan kajian lepas, menunjukkan bahawa pelaksanaan pembelajaran Abad ke 21 masih perlu diberi perhatian kerana ada segelintir guru yang masih menggunakan pengajaran berpusatkan





guru yang dilihat sukar untuk memaksimumkan penggunaan teknologi di dalam kelas (Eng dan Keong, 2019).

Kesimpulannya, terdapat sesuatu halangan dan cabaran terhadap kemudahan prasarana teknologi dan sikap guru dalam pengaplikasian teknologi di sekolah luar bandar. Kajian seperti ini perlu diperbanyakkan untuk memastikan kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan bersesuaian dengan perkembangan arus teknologi pendigitalan. Maka, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti prasarana teknologi, sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi dan cadangan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dalam mengaplikasikan teknologi di sekolah luar bandar.



1.4 Objektif

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengetahui kemudahan prasarana teknologi digital yang disediakan di sekolah luar bandar untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru
2. Mengetahui sikap guru luar bandar terhadap pengaplikasian teknologi dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah luar bandar
3. Mengetahui cadangan yang boleh dilakukan untuk menggalakkan guru luar bandar mengaplikasikan teknologi digital dalam meningkatkan kualiti pengajaran




1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menetapkan tiga persoalan kajian untuk dicapai:

1. Apakah kemudahan prasarana teknologi digital yang disediakan di sekolah luar bandar untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru?
2. Bagaimanakah sikap guru luar bandar terhadap pengaplikasian teknologi dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah luar bandar?
3. Apakah cadangan yang boleh dilakukan untuk menggalakkan guru luar bandar mengaplikasikan teknologi digital dalam meningkatkan kualiti pengajaran?

1.6 Kerangka Konsep



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep ini akan dibangunkan hasil daripada objektif dan persoalan kajian yang diterangkan oleh pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan dengan kemudahan prasarana sekolah dan pengaplikasian teknologi dalam aktiviti pengajaran untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dalam menghadapi era revolusi teknologi digital di sekolah luar bandar. Kerangka konsep ini juga dibina berdasarkan kajian daripada Bayrei (2008) yang menjelaskan bahawa untuk mengintegrasikan atau mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran perlu mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap seperti kemudahan komputer, internet, dan peralatan teknologi lain. Perkara ini adalah selari dengan teori penerimaan teknologi yang diperkenalkan oleh Davis (1989) dalam membentuk sikap positif terhadap teknologi. Teori ini menjelaskan bahawa pemilikan peralatan teknologi dengan pelbagai fungsi merupakan suatu keutamaan dalam membentuk sikap positif dan perkara ini merujuk kepada faktor luaran seseorang individu. Faktor luaran ini dapat mempengaruhi faktor dalaman individu yang mampu membawa hubungan kepercayaan melalui sikap, niat, dan tingkah laku positif sehingga dapat mengaplikasikan sistem teknologi yang sebenar (Khan e tal., 2021). Sikap yang positif terhadap pengaplikasian teknologi ini perlu ditunjukkan oleh guru dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran agar kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan dan seterusnya memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan teknologi (Zakaria Omar, 2014). Kepelbagaian kaedah pengajaran adalah seiring dengan teori Konstruktivisme yang diterokai oleh Jean Piaget (1976). Teori ini dilihat dapat memainkan peranan penting dalam menilai sikap guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan keberkesanan pembelajaran kepada pelajar (Utami, 2016).



1.7 Definisi Konseptual

1.7.1 Teknologi

Teknologi didefinisikan sebagai suatu bentuk ilmu pengetahuan yang direka dan diinovasi oleh manusia untuk memberi manfaat kepada manusia kembali dalam mencapai matlamat sendiri (Volti, 2009). Dalam pendidikan, teknologi dilihat sebagai suatu alat komunikasi yang dapat dimanfaatkan dalam sistem pendidikan yang dijadikan sebagai suatu media komunikasi, alat bantu mengajar, penggunaan alatan teknologi, dan sebagainya untuk memperbaiki serta meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Mohammad Arif, 2012). Menurut Fitria Apriani (2013) pula, teknologi dalam pendidikan didefinisikan sebagai suatu proses yang memerlukan seseorang pengguna, idea, peralatan, dan kemampuan organisasi sekolah dalam menganalisis masalah, menyelesaikan masalah, melaksanakan sistem yang ditetapkan dan menilai semula sistem tersebut untuk membentuk suatu pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Maka, kajian ini menilai teknologi sebagai suatu sistem yang mampu meningkatkan kualiti pengajaran guru melalui kesediaan kemudahan prasarana peralatan teknologi di sekolah serta sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

1.7.2 Teknologi Digital

Teknologi digital adalah salah satu teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang digunakan untuk menghantar, memproses, menyimpan, mencipta, memapar, berkongsi atau bertukar maklumat melalui peranti elektronik seperti komputer, komputer riba, tablet, telefon pintar dan sebagainya (Mokmin Basri, 2004). Dalam pendidikan,



teknologi digital dilihat sebagai suatu pendekatan pedagogi baharu yang mana guru menggunakan persekitaran elektronik dan pelajar memainkan peranan secara aktif dalam pembelajaran (Tulinayo, Ssentume, Najjuma, 2018). Menurut Kumi-Yeboah, Kim, Sallar, dan Kiramba (2020) yang mentakrif teknologi digital dalam pendidikan sebagai alat elektronik, sistem, peranti, serta sumber yang menjana dan menyimpan data daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bahan penyampaian guru adalah dalam bentuk multimedia, permainan atas talian, dan sebagainya juga termasuk dalam pengaplikasian teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dalam kajian ini, teknologi digital didefinisikan sebagai suatu pemudah cara serta alat komunikasi untuk pengajaran guru yang dapat diaplikasikan melalui sistem teknologi seperti multimedia dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan seterusnya meningkatkan kualiti mengajar guru.

1.7.3 Kemudahan Prasarana

Secara amnya, kemudahan prasarana adalah suatu kemudahan dan perkhidmatan asas yang disediakan untuk tujuan kelangsungan aktiviti yang dapat dijalankan oleh masyarakat demi pembangunan sesuatu tempat (Stevens, 2006). Dalam sektor pendidikan, kemudahan prasarana didefinisikan sebagai kemudahan yang dapat memberi kesan kepada pendidikan. Menurut Keating, Burke, Teese, Munro, dan Billet (2003) kemudahan prasarana yang berfungsi dengan baik dapat menambahbaik kepada matlamat pendidikan iaitu dari segi kurikulum, kualiti guru, perhubungan dengan orang awam, dan organisasi sekolah. Darmastuti Hajeng (2014) menyatakan bahawa kemudahan prasarana adalah faktor yang dapat menentukan kejayaan pendidikan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar kelas. Noer Kamilatus



Sholihah (2019) menjelaskan bahawa kemudahan prasarana sekolah adalah peralatan yang digunakan secara langsung untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran seperti bangunan, bilik darjah, perabot di dalam kelas, media elektronik atau teknologi, dan alat bantu mengajar yang dapat memberi kesan kepada pembelajaran serta kualiti pengajaran. Maka, dalam kajian ini kemudahan prasarana dijelaskan sebagai suatu kemudahan peralatan teknologi digital yang disediakan dan dapat berfungsi dengan baik, memberi manfaat serta dapat diaplikasikan oleh pendidik secara maksimum.

1.7.4 Sekolah Luar Bandar

Johnson dan Strange (2005) menyatakan sekolah luar bandar merujuk kepada sekolah yang berada di kawasan yang jauh dari kawasan bandar serta mempunyai jumlah populasi penduduk kurang daripada 10,000 orang. Dalam konteks Malaysia, sekolah luar bandar sering dikaitkan sebagai sebuah kawasan yang mempunyai geografi unik dari semenanjung sehingga ke bahagian utara Pulau Kalimantan (Ardi, Bambang dan Nora, 2014). Ini kerana terdapat sekolah yang memerlukan muridnya untuk menaiki kenderaan khas seperti perahu untuk ke sekolah. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), sekolah luar bandar merujuk kepada sekolah di kawasan luar bandar yang dilihat sukar untuk memperoleh pelbagai kemudahan asas pendidikan dan melaksanakan aktiviti berdasarkan teknologi. Dalam konteks kajian ini, sekolah luar bandar adalah sekolah di kawasan luar bandar dalam konteks Malaysia di kawasan Sarawak, Sabah, dan Semenanjung Malaysia sahaja dan memiliki kemudahan asas teknologi yang minimum untuk melaksanakan aktiviti pengajaran di dalam kelas.





1.7.5 Kualiti Pengajaran Guru

Sogunro (2017) menyatakan bahawa kualiti pengajaran guru dapat dikaitkan dengan usaha guru yang mampu meningkatkan motivasi dan minat pelajar untuk belajar. Kualiti pengajaran guru dapat ditafsirkan kepada usaha dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai dengan menggalakkan kerjasama antara pelajar, menyokong pengajaran secara interaktif, dan amalan guru dalam usaha mewujudkan pengajaran berkesan demi kemajuan pelajar (Berenyi dan Deutsch, 2018). Kualiti pengajaran guru dapat dinilai melalui beberapa faktor iaitu pengetahuan, kemahiran, dan kualiti peribadi atau perilaku diri dalam memperoleh keberkesanan serta kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Stronge, 2018). Penggabungan tiga faktor ini dilihat mampu memberikan keberkesanan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru serta memberi sumbangan terdapat prestasi guru itu sendiri. Dalam konteks kajian ini, kualiti pengajaran guru merujuk kepada usaha guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran melalui pengetahuan, kemahiran, dan sikap dalam mengaplikasikan teknologi yang minimum untuk menarik minat serta motivasi pelajar di sekolah luar bandar.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah untuk membantu dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai dengan isu yang berlaku di dalam sektor pendidikan, walaupun terdapat kesukaran untuk melaksanakan perkara tersebut (Malike Brahim, 2008). Kepentingan kajian ini akan melibatkan perkembangan penyelidikan ilmu psikologi pendidikan melalui perancangan strategi kaedah penyampaian pengajaran guru berteraskan





teknologi untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran serta menyelesaikan isu yang berkait dengan pendidikan di sekolah luar bandar. Perancangan kaedah pengajaran merupakan aspek yang penting dalam teori konstruktivisme untuk menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan serta menggalakkan penglibatan pelajar dalam membina pengetahuan dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran guru di dalam kelas. Dengan adanya perkembangan penyelidikan ini dapat membantu guru-guru menambahbaik kaedah penyampaian dalam pengajaran untuk perkembangan pelajar terutama pelajar di sekolah luar bandar supaya pendidikan yang berlangsung bersesuaian dengan arus perkembangan teknologi.

Selain itu, kajian ini juga penting dalam menyumbang kepada aspek praktikal. Hal ini kerana kajian ini dijangka dapat mengenal pasti maklumat penting tentang kemudahan prasarana yang perlu disediakan oleh pihak sekolah dan menggalakkan sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi digital sebagai suatu pemudah cara dalam penyampaian pengajaran guru di dalam kelas. Ini adalah untuk menggalakkan pelajar supaya dapat belajar dalam keadaan yang menyeronokkan, meneroka maklumat baharu, serta merapatkan jurang pendidikan di bandar, luar bandar, dan pedalaman. Hasil kajian ini juga dapat memberikan panduan dan kesedaran kepada pihak berwajib seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap serta berfungsi dengan baik untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan teknologi. Selain itu, hasil kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah dalam menggalakkan guru di sekolah luar bandar untuk mengaplikasikan teknologi dalam aktiviti pengajaran. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada guru-guru untuk menambahbaik kaedah penyampaian pengajaran mereka supaya dapat meningkatkan motivasi serta



meningkatkan prestasi pelajar dan secara tidak langsung memperlihatkan kualiti pengajaran guru di sekolah bersesuaian dengan perkembangan teknologi.

1.9 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan atau limitasi dalam kajian ini. Kajian ini hanya memfokuskan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah kebangsaan di kawasan luar bandar seperti Sarawak, Sabar, dan Semenanjung Malaysia. Guru-guru yang mengajar di kawasan bandar tidak terlibat dalam kajian ini. Pelajar yang masih lagi menuntut di universiti perguruan juga tidak akan dipilih untuk kajian ini. Kajian ini hanya akan tertumpu kepada aspek kemudahan prasarana teknologi sekolah dan sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi dalam era perkembangan teknologi untuk menjawab objektif kajian yang terbina. Objektif kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti kemudahan prasarana teknologi yang disediakan di sekolah luar bandar, mengenal pasti sikap guru terhadap pengaplikasian teknologi dalam penyampaian pengajaran, serta cadangan yang boleh dilakukan untuk menggalakkan guru luar bandar untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka terutamanya di era pendigitalan teknologi ini.

Selain itu, kajian ini akan mengaplikasikan kaedah fenomenologi melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat yang bersesuaian dengan objektif kajian. Hasil kajian ini hanya bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden untuk menjawab soalan yang akan diajukan semasa temu bual dijalankan. Hasil kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili seluruh konteks sekolah luar bandar mahupun pedalaman yang terdapat di Malaysia. Namun, kajian ini hanya boleh

dijadikan sebagai rujukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru di kawasan terlibat dalam mengaplikasikan teknologi digital sebagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh membantu meningkatkan kaedah penyampaian pengajaran guru di sekolah.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat banyak aspek yang dapat diuraikan berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual, objektif, soalan kajian, definisi operasional, batasan kajian, dan kepentingan kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Kesemua aspek di dalam bab satu ini adalah penting untuk memudahkan kefahaman di bab-bab seterusnya.